



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 2 APRIL 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FAMA TO UPGRADE 15 BUSINESS AREAS IN SARAWAK: AGRICULTURE MINISTER, THE VIBES -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	15 BUSINESS AREAS IN SARAWAK TO BE UPGRADED – RONALD, MALAYSIA CHINA INSIGHT -ONLINE	
3.	15 KAWASAN NIAGA DI SARAWAK BAKAL DINAIK TARAF, BERNAMA -ONLINE	
4.	SARAWAK BERI SUMBANGAN PENTING KESELAMATAN MAKANAN NEGARA – RONLAD KIANDÉE, TVSTV.MY -ONLINE	
5.	FAMA NAIK TARAF 15 PASAR TAMU DI SARAWAK MENERUSI RMK-12, UTUSAN BORNEO -ONLINE	
6.	FAMA ANJUR JUALAN SAMBUT RAMADHAN, SH -ONLINE	
7.	PROGRAM JUALAN SEMARAK RAMADHAN DITERUSKAN DI 82 OUTLET FAMA, BH -ONLINE	
8.	SHOP SUFFERS RM50,000 LOSSES FOLLOWING CRASH, GUANG MING DAILY -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
{UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA}

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2022	THE VIBES	ONLINE	

Fama to upgrade 15 business areas in Sarawak: agriculture minister

RM7 million allocated under 12th Malaysia Plan, says Datuk Seri Ronald Kiandee



The Federal Agricultural Marketing Authority will continue to help improve business facilities and structures throughout the country, including in Sarawak, says Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Kiandee. – Bernama pic, April 2, 2022

KUCHING – The Agriculture and Food Industries Ministry, through the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), will upgrade 15 business areas in Sarawak.

Its minister Datuk Seri Ronald Kiandee said the upgrading works involved an allocation of RM7 million under the 12th Malaysia Plan, adding that the effort was hoped to provide comfort to traders and visitors.

“Fama will continue to help improve business facilities and structures throughout the country, including in Sarawak.

“Besides playing its role as a marketing agency, Fama will also strive to create a comfortable business environment for all quarters,” he told reporters after conducting a working visit to Medan Niaga Satok here today.

Medan Niaga Satok is a joint-venture project between Fama and the Sarawak state government to create a market with a modern, clean and systematic concept, equipped with the latest waste management system.

The RM46.6 million commercial area, which provides 995 business lots, commenced operations on Jan 1, 2013. – Bernama, April 2, 2022

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2022	MALAYSIA CHINA INSIGHT	ONLINE	

15 business areas in Sarawak to be upgraded – Ronald



KUCHING, April 2 — The Agriculture and Food Industries Ministry through the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) will upgrade 15 business areas in Sarawak.

Its minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the upgrading works involved an allocation of RM7 million under the 12th Malaysia Plan, adding that the effort was hoped to provide comfort to traders and visitors.

“FAMA will continue to help improve business facilities and structures throughout the country, including in Sarawak.

“Besides playing its role as a marketing agency, FAMA will also strive to create a comfortable business environment for all quarters,” he told reporters after conducting a working visit to Medan Niaga Satok here today.

Medan Niaga Satok is a joint-venture project between FAMA and the Sarawak state government to create a market with a modern, clean and systematic concept, equipped with the latest waste management system.

The RM46.6 million commercial area which provides 995 business lots commenced operations on Jan 1, 2013.

15 kawasan niaga di Sarawak bakal dinaik taraf



KUCHING, 2 April (Bernama) – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan menaik taraf 15 kawasan niaga di seluruh Sarawak.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata kerja naik taraf itu melibatkan peruntukan sebanyak RM7 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-12 dan diharap dapat memberikan keselesaan kepada para peniaga dan pengunjung.

"FAMA akan terus membantu menambah baik fasiliti dan struktur perniagaan seluruh negara termasuk di Sarawak.

"FAMA bukan sahaja akan memainkan peranan sebagai agensi pemasaran, tetapi juga mewujudkan suasana perniagaan yang selesa untuk semua pihak," katanya selepas melawat Medan Niaga Satok di sini, hari ini.

Medan Niaga Satok adalah projek usaha sama antara FAMA dan kerajaan negeri Sarawak bagi menyediakan sebuah pasar yang berkonsep moden, bersih, teratur serta dilengkapi sistem pengurusan sisa buangan terkini.

Pasar berkos RM46.6 juta dengan 995 lot perniagaan itu, telah beroperasi sejak 1 Januari 2013.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2022	TVSTV.MY	ONLINE	

Sarawak beri sumbangan penting keselamatan makanan negara – Ronald Kiandee



KUCHING, 2 April : Sarawak merupakan negeri penting yang menyumbang kepada keselamatan makanan negara.

Sehubungan itu ujar Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, kementeriaannya akan terus berusaha bagi

menambah peruntukan untuk tujuan pembangunan infrastruktur pertanian di negeri ini.

Katanya, beliau berpeluang melawat kawasan sawah padi di Sri Aman dan Batang Lupar sepanjang tiga hari lawatan kerjanya di negeri ini dan mendapati masih banyak penambahbaikan perlu dilakukan.

“Dana ini untuk infrastruktur bagi industri padi beras di Sarawak.

“Ia merupakan satu usaha berterusan membabitkan Kerajaan Persekutuan dan agensi di bawahnya dengan Kerajaan Sarawak serta agensi -agensi di bawah mereka,”katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas melawat Medan Niaga Satok, di sini hari ini.

Berhubung lawatan di Satok, Ronald Kiandee memberitahu, sebanyak RM7 juta telah diperuntukkan kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi menaik taraf 15 kawasan niaga di negeri ini.

“Peruntukan ini disalurkan menerusi Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

“Kerajaan berharap agar ia dapat memberikan keselesaan kepada para peniaga dan pengunjung,”katanya.

Medan Niaga Satok merupakan projek kendalian FAMA dan Kerajaan Sarawak bagi menyediakan sebuah pasar berkonsep moden yang dilengkapi dengan sistem pengurusan sisa buangan terkini.

“Beberapa ruang projek ini dijangka siap pada Mei depan secara berperingkat,”katanya.

Pasar itu yang dibina dengan kos RM46.6 juta mempunyai sebanyak 995 lot perniagaan telah beroperasi sejak 1 Januari 2013. -TVS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2022	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

FAMA naik taraf 15 pasar tamu di Sarawak menerusi RMK-12



Ronald (dua kanan) diiringi yang lain semasa mengadakan lawatan kerja ke Medan Niaga Satok di sini, hari ini.

KUCHING: Sebanyak 15 pasar niaga atau pasar tamu di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Sarawak akan dinaik taraf dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Menteri Pertanian dan Industri (MAFI) Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, projek berkenaan merupakan kerjasama antara kementerian menerusi FAMA dengan kerajaan negeri.

"FAMA akan menambah baik pasar niaga yang ada di seluruh negeri.

"Kira-kira RM7 juta diperuntukkan di bawah RMK-12 iaitu untuk menaik taraf 15 pasar niaga di seluruh Sarawak sepanjang rancangan berkenaan.

"Fama akan terus menyumbang untuk menambah baik struktur perniagaan di seluruh negara termasuk Sarawak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas lawatan kerja ke Medan Niaga Satok yang dihadiri Timbalan Menteri Pemodenan Pertanian, Martin Ben di sini, hari ini.

Ronald berkata, usaha menaik taraf itu akan diteruskan dan FAMA akan terus memainkan peranan sebagai agensi pemasaran yang bukan sahaja membantu peniaga dan pengusaha tetapi mewujudkan satu suasana perniagaan selesa bagi semua pihak.

"Kita juga mengalu-alukan kerjasama kerajaan negeri yang menyumbang dana bagi menambah baik infrastruktur perniagaan yang ada di Sarawak," tegasnya.

Katanya ia termasuk projek menaik taraf Medan Niaga Satok (MDS), yang mana kerajaan negeri telah memperuntukkan RM7 juta bagi kerja pembangunan dan naik taraf tempat letak kereta bertingkat, naik taraf Blok B, C dan D.

"Ia merupakan satu projek besar yang telah dirasmikan pada tahun 2013 dan ketika ini ada sebahagian daripadanya sedang dalam penambahbaikan yang dilaksanakan antara FAMA dan kerajaan negeri.

"Kita mendapat sumbangan daripada kerajaan negeri sejak 2019 dan 2020, sebanyak RM7 juta untuk penambahbaikan kemudahan di Medan Niaga Satok ini," katanya.

Beliau berkata ia merupakan kerjasama erat bersama agensi persekutuan dengan kerajaan negeri untuk menyediakan kemudahan kepada peniaga, pengusaha atau pengunjung di Kuching.

Mengenai penyiapan projek MDS, Ronald berkata ia akan siap secara berfasa dengan ada di antaranya dijangka siap pada Mei ini kerana ada yang sedang dalam proses akhir untuk menyempurnakan pembinaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

FAMA anjur jualan sambut Ramadan



Bakri (tiga dari kiri) ketika membuat edaran dodol kepada pengunjung di Pasar Tani Kuala Pilah.

KUALA PILAH - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengadakan Program MyRakyat dan Pasar Tani Semarak Ramadan di lokasi terpilih di Negeri Sembilan pada Sabtu.

Exco Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, ia bagi memberi peluang dan pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan bagi menyambut Ramadan.

"Program Pasar Tani Semarak Ramadan Negeri Sembilan dilaksanakan di tujuh lokasi pasar tani terpilih manakala Program MyRakyat Semarak Ramadan diadakan di empat lokasi seluruh Negeri Sembilan.

"Seramai 50 orang peserta telah terlibat dengan menawarkan pelbagai jenis jualan persiapan Ramadan bagi pengunjung yang hadir seperti ayam, daging, ikan, sayur-sayuran, buah-buahan dan lain-lain lagi," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan pada Program MyRakyat dan Pasar Tani Khas Semarak Ramadan peringkat Negeri Sembilan di Pasar Tani Kuala Pilah pada Sabtu.

Hadir sama, Pengarah FAMA Negeri Sembilan, Asmizal Jaafar.

Antara pengisian program itu adalah edaran dodol kepada pengunjung, jualan 'happy hour' Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) bagi produk sayur-sayuran, pertandingan pipil jagung, demonstrasi masakan mi kari menggunakan Kari Putih Agromas serta uji rasa mangga sala bersama kuah rojak keluaran Agromas.

Sementara itu, dalam perkembangan berlainan, Bakri berkata, nilai jualan pasar tani di seluruh Negeri Sembilan pada tahun 2021 adalah sebanyak RM13.9 juta dan sehingga 31 Mac tahun ini telah mencatat rekod jualan RM4.9 juta melibatkan 448 bilangan usahawan di 17 lokasi pasar tani Negeri Sembilan.

"Bagi Program MyRakyat pula, FAMA Negeri Sembilan telah mencatatkan nilai jualan sebanyak RM187,000 pada tahun 2021 dan RM76,000 nilai jualan direkodkan pada tahun 2022 iaitu sehingga 31 Mac lepas," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/4/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

Program jualan Semarak Ramadan diteruskan di 82 outlet FAMA



Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan (dua dari kanan) meninjau gerai jualan Pasar Tani Khas Semarak Ramadan di Kuala Pilah hari ini. - Foto NSTP/Abnor Hamizam Abd Manap

KUALA LUMPUR: Program Jualan Semarak Ramadan akan diteruskan di 82 lokasi outlet FAMA di seluruh negara.

FAMA dalam kenyataan hari ini memaklumkan ini termasuk 62 lokasi di Pasar Tani, 16 lokasi di Pasar Tani Kekal, dua lokasi di MyFarm Outlet dan dua lokasi di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).

"Antara pengisian Program Jualan Semarak Ramadan @ Pasar Tani ini adalah edaran buah kurma dan produk usahawan kepada pengunjung serta jualan waktu ria bagi produk buah-buahan dan 'showcase' menu nostalgia berbuka puasa. Turut diadakan juga sumbangan kepada rumah anak yatim," menurut kenyataan itu.

Terdahulu, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Abdul Rashid Bahri melancarkan Program Jualan Semarak Ramadan @ Pasar Tani Peringkat Kebangsaan di Pasar Tani Kelana Jaya, Selangor hari ini bagi menguar-uarkan kepada orang ramai mengenai pengoperasian pasar tani berkenaan.

Program itu dianjurkan bagi memberi peluang kepada orang ramai mendapatkan barangan keperluan dan makanan termasuk bekalan bahan mentah berkualiti dengan harga yang berpatutan sempena menyambut Ramadan.

Dalam kenyataan itu, Rashid berkata peluasan skop Program Jualan Semarak Ramadan @ Pasar Tani itu bertujuan menghargai pengunjung pasar tani yang sentiasa hadir mendapatkan barangan dapur dalam persediaan menyambut kedatangan bulan Ramadan esok.

Menurut kenyataan itu, Rashid turut menyerahkan sumbangan kepada 50 anak yatim dari Pertubuhan Pusat Jagaan Baitul Hidayah dalam majlis berkenaan.

Untuk rekod, nilai jualan pasar tani di seluruh negara pada tahun lalu berjumlah RM170 juta manakala hingga Februari 2022, nilai jualan sebanyak RM42 juta dicatat membabitkan 10,868 usahawan di 270 lokasi pasar tani seluruh negara.

— BERNAMA



02 APR, 2022

Shop suffers RM50,000 losses following crash

Guang Ming Daily, Malaysia

Page 1 of 2



■货车刹车失灵后，撞上交通灯对面的烧鱼店，蒙受超过5万令吉的损失。

貨車剎車失靈撞擊 燒魚店飛來橫禍損失5萬

(芙蓉1日讯) 72香铁板烧鱼店原本打算欢庆分店开张，不料总店遭遇飞来横祸，面临一辆运载冷藏食品的货车撞击总店，令业者损失超过5万令吉，更因意外导致1个月无法营业，让业者表示无奈！

这起意外是于今日清晨6时许，发生在亚沙再也通往梅岭的交通灯三岔路口处，即位于阿叻鱿鱼米粉旁的烧鱼店，庆幸当时路上没有车辆，加上商店尚未开始营业，所以整个过程并没有伤及到路人。

据知，这辆运载冷藏食品的货车，当时是在亚沙联邦农业销售局(FAMA)下完货物后准备返回马六甲，岂料在经过该路段时，货车的刹车突然失灵，司机不断脚踩刹车，也

无法将车子停下，结果整辆货车向下坡俯冲，撞上交通灯对面的商店。

不过，司机受到碰撞后，腿部毫无知觉，司机目前已被送往芙蓉端故查化医院接受治疗。

此外，72香铁板烧鱼店的业者王先生受询时说，初步检查，其店除了整个招牌被撞跌下来，铁闸门、收费柜台及其他餐桌损坏，他预计至少要花费5万令吉重新整修，而整个装修工程预计要1个月。

他也预计未来的1个月将无法营业，较为无奈的是，2间位于芙蓉新城的分店，原本打算在今天开张营业，没想到总店遭遇车祸意外，令总店只能暂时休业。(TSI)



02 APR, 2022

Shop suffers RM50,000 losses following crash

Guang Ming Daily, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

貨車剎車失靈撞擊 燒魚店飛來橫禍損失5萬(芙蓉1日訊) 7 2 香铁板烧鱼店原本打算欢庆分店开张, 不料总店遭遇飞来横祸, 面临一辆运载冷藏食品的货车撞击总店, 令业者损失超过5万令吉, 更因意外导致1个月无法营业, 让业者表示无奈!这起意外是于今日清晨6 时许, 发生在亚沙再也通往梅岭的交通灯三岔路•处, 即位于阿叻鱿鱼米粉旁的烧鱼店, 庆幸当时路上没有车辆, 加上商店尚未开始营业, 所以整个过程并没有